

KENYATAAN MEDIA
11 JUN 2024

SELANGOR FC UMUM KUMPULAN JOHAWAKI SEBAGAI RAKAN STRATEGIK BARU
UNTUK MUSIM 2024/25

SHAH ALAM, 11 Jun 2024 - Kelab Bola Sepak Selangor (Selangor FC) mengumumkan Johawaki Holdings Sdn. Bhd. sebagai rakan strategik rasmi keluarga Gergasi Merah yang baru untuk saingan Liga Malaysia musim 2024/2025 selepas kedua-dua pihak selesai menandatangani perjanjian kerjasama pagi tadi.

Kerjasama ini bakal menyaksikan sokongan berterusan daripada Kumpulan Johawaki kepada Kelab Bola Sepak Selangor dari segi penajaan kewangan untuk kemudahan latihan serta pembangunan kelab. Dalam masa yang sama, logo Kumpulan Johawaki juga akan dipamerkan pada jersi pasukan pemain Selangor dan juga pelbagai aplikasi digital pasukan sebagai penjenamaan kepada penaja.

Majlis menandatangani perjanjian itu berlangsung meriah di Pusat Latihan Rasmi Selangor FC dan turut dihadiri oleh Pengerusi Selangor FC, Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Johawaki, Encik Mohamad Akmal Johari serta Ketua Pegawai Eksekutif Selangor FC, Dr Johan Kamal Hamidon.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Johawaki, Encik Mohamad Akmal Johari berkata, "Melihat kepada perkembangan prestasi Kelab Bola Sepak Selangor yang semakin meningkat cemerlang dengan halatuju yang konsisten semenjak berada di bawah kepimpinan DYTM Raja Muda Selangor, kami berbesar hati untuk menjalin kerjasama strategik dan menjadi sebahagian daripada rakan rasmi keluarga Gergasi Merah menghadapi saingan Liga Malaysia bagi musim 2024/25 ini. Kami berharap kerjasama strategik ini akan memperkukuhkan lagi kedudukan jenama syarikat dan membuka lebih banyak peluang penerokaan meluas serta memacu kedua-dua pihak ke arah kecemerlangan."

"Kerjasama strategik korporat ini juga, adalah bukti tanda sokongan kami kepada negeri Selangor selari dengan usaha tanggungjawab sosial syarikat yang peka dengan pembangunan sukan tempatan disamping membina hubungan baik bersama komuniti serta masyarakat. Kami mengambil kesempatan menzahirkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, pasukan pengurusan serta barisan pemain Selangor FC serta sentiasa mendoakan kejayaan Gergasi Merah dan Negeri Selangor khususnya. Semoga kerjasama ini akan menyuntik lebih semangat kepada para pemain untuk beraksi dengan lebih cemerlang serta mengembalikan zaman kegemilangan Red Giants," tambahnya lagi.

Ketua Pegawai Eksekutif SFC, Dr. Johan Kamal Hamidon turut berkongsi rasa syukur beliau di atas penambahan rakan rasmi musim 2024/25 dan berharap ia mampu memberi kelebihan kepada kedua-dua pihak.



"Kami di Selangor FC amat bersyukur serta berbangga kerana Kumpulan Johawaki turut ingin menjadi sebahagian daripada keluarga Gergasi Merah bagi musim 2024/25. Oleh itu, kami akan berusaha untuk membalas kepercayaan yang diberikan oleh pihak Johawaki dan kami akan terus berkongsi kepakaran antara satu sama lain bagi sama-sama mencapai matlamat kerjasama ini," menurut beliau.

Turut menzahirkan rasa gembira, Pengerusi Selangor FC, Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj sejurus selesai majlis memeterai perjanjian sebentar tadi.

"Beta amat gembira dengan berita bahawa Kumpulan Johawaki ingin menjadi sebahagian daripada keluarga Selangor FC bagi musim 2024/25. Beta berharap perjanjian kerjasama ini dapat menarik minat lebih banyak syarikat lain di Malaysia dan di luar negara untuk turut menjadi rakan strategik Selangor FC pada masa hadapan," ujar Baginda.

Selangor FC berharap dengan kerjasama ini, kita akan sama-sama meraikan lebih banyak pencapaian cemerlang untuk musim 2024/25 ini.

Demi Kebanggaan!

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi
Mohd Fitri Ghazali, Tel: 013-399 7952 / fitri.ghazali@johawaki.com.my
Jabatan Komunikasi Korporat



For Immediate Release

PRESS STATEMENT
11 JUNE 2024

SELANGOR FC ANNOUNCES JOHAWAKI GROUP AS NEW STRATEGIC PARTNER FOR SEASON 2024/25

SHAH ALAM, 11th June 2024 - Selangor Football Club (Selangor FC) announces Johawaki Holdings Sdn. Bhd. as the new official strategic partner of the Red Giants family for the 2024/2025 Malaysian League competition after both parties signed a cooperation agreement this morning.

This collaboration will see continued support from the Johawaki Group to the Selangor Football Club in terms of financial sponsorship for training facilities and club development. At the same time, the Johawaki Group logo will also be displayed on the Selangor players' team jerseys and also on the team's various digital applications as branding for sponsors.

The signing ceremony of the agreement took place in a lively manner at the Selangor FC Official Training Center and was also attended by the Chairman of Selangor FC, His Royal Highness (DYTM) Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj and the Deputy Chief Executive Officer of the Johawaki Group, Mr. Mohamad Akmal Johari and the Head Executive Officer of Selangor FC, Dr Johan Kamal Hamidon.

Deputy Chief Executive Officer of the Johawaki Group, Mr. Mohamad Akmal Johari said, "Looking at the development of the performance of the Selangor Football Club which has been improving with a consistent direction since being under the leadership of His Highness the Raja Muda of Selangor, we are pleased to establish a strategic partnership and be part of from the official partner of the Red Giants family to compete in the Malaysian League for the 2024/25 season. We hope that this strategic collaboration will further strengthen the company's brand position and open up more extensive exploration opportunities and drive both parties towards excellence."

"This corporate strategic cooperation is also proof of our support for the state of Selangor in line with the company's social responsibility efforts that are sensitive to the development of local sports in addition to building good relationships with the community and society. We take this opportunity to express our infinite gratitude to His Royal Highness the Young Prince of Selangor, the management team and the players of Selangor FC and always pray for the success of the Red Giants and the State of Selangor in particular. Hopefully this collaboration will inject more enthusiasm into the players to perform more brilliantly and bring back the glory days of the Red Giants," he added.



Chief Executive Officer of SFC, Dr. Johan Kamal Hamidon also shared his gratitude for the addition of an official partner for the 2024/25 season and hoped that it would be able to give advantages to both parties.

"We at Selangor FC are very grateful and proud that the Johawaki Group also wants to be part of the Red Giants family for the 2024/25 season. Therefore, we will strive to repay the trust given by the Johawaki side and we will continue to share our expertise with each other to jointly achieve the goal of this cooperation," according to him.

Also expressing his happiness, the Chairman of Selangor FC, His Royal Highness Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, immediately after the ceremony of signing the agreement.

"I am very happy with the news that the Johawaki Group wants to be part of the Selangor FC family for the 2024/25 season. We hope that this cooperation agreement can attract more companies in Malaysia and abroad to also become Selangor FC's strategic partners in the future ," said His Majesty.

Selangor FC hopes that with this collaboration, we will together celebrate more outstanding achievements for the 2024/25 season.

Demi Kebanggaan!

For more information, please contact;
Mohd Fitri Ghazali, Tel: 013-399 7952 / fitri.ghazali@johawaki.com.my
Corporate Communications Department
